



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 3/2023
30 MAC 2023 (8 RAMADHAN 1444H)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini, dalam Mesyuarat Majlis yang ketiga pada tahun 2023. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan bagi memastikan setiap perancangan dan program yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Justeru itu, saya sangat berharap agar kerjasama ini sentiasa dipertingkatkan dalam semangat profesionalisme yang tinggi.

2. Saya akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen

terpenting yang perlu dipraktikkan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah dinobatkan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Terbaik Malaysia bagi Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2022. MBPJ mengekalkan taraf 5 bintang dengan markah tertinggi 98.32% di kalangan 155 PBT di Malaysia dan memperolehi penilaian tertinggi bagi 3 kriteria melibatkan perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan dan penyertaan penduduk/ pandangan penduduk pada majlis Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan 2023.
4. Dengan bertemakan Perbandaran Madani, Negara Sejahtera, konvensyen tersebut turut dihadiri hampir 2000 peserta yang terdiri daripada Datuk Bandar, Yang Dipertua, Setiausaha, Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan seluruh Malaysia. Konvensyen ini merupakan platform terbaik bagi memberi peluang kepada semua peserta berkongsi pengalaman dan berbincang untuk mencari pendekatan dan penyelesaian yang inovatif dan kreatif secara holistik dalam menangani isu-isu yang melibatkan pengurusan dan tanggungjawab PBT.
5. MBPJ juga diberi penghormatan menyertai pameran dan membuat pembentangan khas berhubung pelaksanaan *Blueprint Petaling Jaya Smart, Sustainable & Resilient (PJSSR) 2030 : A New Paradigm*. Sambutan peserta terhadap pameran dan

pembentangan PJSSR 2030 sebagai inovasi baru dalam transformasi institusi dan tadbir urus PBT amat menggalakkan dan MBPJ bersedia berkongsi *best practice* kepada semua PBT di Malaysia.

6. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Saya percaya dan yakin, anugerah dan pengiktirafan yang diterima ini adalah bukti warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya begitu komited dalam menjalankan tugasannya dengan jayanya selain sokongan dari semua pihak termasuk rakan strategik Majlis, pemegang taruh dan penduduk Petaling Jaya khasnya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

7. *United Nations* telah memperkenalkan *International Day of Happiness* atau Hari Kebahagian Sedunia pada tahun 2012. Sambutan ini bertujuan mengiktiraf hubung kait di antara keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar ke arah kebahagiaan dan kesejahteraan penduduk sejagat. Bersempena dengan sambutan tersebut, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia turut menyambutnya setiap tahun.
8. Rancangan Fizikal Negara Ke-3 telah menggariskan *Malaysia Urban Observatory* (MUO) sebagai pusat data, rujukan, pemantauan dan pelaporan nasional. Pelancaran *Dashboard Indeks Kebahagian* MUO ini sebagai satu platform bagi yang akan memantau tahap kesejahteraan dan kemampuan bandar-bandar di Malaysia melalui aspek sosial, perbandaran, ekonomi dan alam sekitar.

9. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima Penghargaan Bandar Bahagia 2022 buat julung kalinya sejak tahun 2020 dimana Penghargaan Bandar Bahagia ini dilaksanakan. Penganugerahan kepada Majlis ini adalah berdasarkan pencapaian yang cemerlang melalui penilaian Indeks Kebahagian 2022 yang telah dilaksanakan melalui Sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets) bagi mengukur tahap kesejahteraan dan kebahagian penduduk dengan lebih menyeluruh.
10. Penilaian indeks kebahagian ini dijalankan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan melalui soal selidik katas penduduk yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur, kaum dan latar belakang pendidikan yang di jana oleh Pusat Operasi MURNInets Kebangsaan (POMK), PLANMalaysia. Soal selidik ini merangkumi komponen kesejahteraan psikologi, komuniti yang berdaya hidup, kepelbagaian budaya dan ketahanan, kesihatan, pendidikan, kepelbagaian ekologi, kualiti kehiduoan dan kecekapan urus tadbir. MBPJ beriltizam untuk terus memberikan perkhidmatan bandaraya yang lebih cekap dan berkesan bagi mengekalkan kesejahteraan penduduk Petaling Jaya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melancarkan Geran Komuniti Untuk Petaling Jaya Mampan 5.0. Geran itu juga dikenali sebagai PJ S.E.E.D 5.0 (*Petaling Jaya Social, Environment & Economy Development*). Pelancaran geran ini merupakan inisiatif MBPJ untuk menjemput organisasi dikalangan masyarakat seperti Persatuan Penduduk, Rukun Tetangga, Majlis Pengurusan

Komuniti Kampung, Badan Pengurusan Bersama, Perbadanan Bersama, Persatuan Ibu Bapa & Guru, Institusi Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Tempat Ibadat, Badan/Organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berdaftar dan diperakui oleh Majlis untuk merancang dan melaksanakan projek atau inisiatif yang akan membantu Majlis meningkatkan prestasi dalam 10 *thematic* yang telah ditetapkan. Bidang yang dimaksudkan adalah *Low Carbon City*, *Circular Economy City*, *Safe And Resilient City*, *Inclusive City*, *Child Friendly City*, *Learning City*, *Economically Vibrant City*, *Society 5.0 City*, *Smart City* dan *E-Governance City* yang boleh dipohon.

12. Objektif Geran adalah untuk meningkatkan prestasi MBPJ dalam 10 *thematic* berkaitan menerusi penyertaan masyarakat, rakan perkongsian dan inklusif ke arah Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdaya Tahan menjelang 2030. Dalam erti kata lain, memberikan bantuan kewangan permulaan kepada masyarakat untuk mengesyorkan dan melaksanakan inisiatif yang akan membantu meningkatkan program, strategi dan hala tuju Majlis dalam bidang yang telah digariskan. Organisasi yang berminat untuk membantu meningkatkan prestasi MBPJ dalam pembangunan mampan Petaling Jaya khususnya pencapaian Sustainable Development Goal (SDG 2030) adalah dialu-alukan untuk mengemukakan permohonan sebelum atau pada 30 Jun 2023.
13. Majlis berharap inisiatif yang dilaksanakan ini akan mendapat sambutan dan penglibatan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan serta memberi manfaat kepada semua pihak. Untuk makluman, Geran Komuniti PJ SEED telah dilancarkan sejak 4 tahun yang lepas dan MBPJ

telah meluluskan sebanyak 113 projek dengan peruntukan berjumlah RM1.9 juta telah diberikan kepada organisasi terpilih dan layak sejak geran tersebut diperkenalkan.

14. Bantuan geran minima adalah sebanyak RM 5,000 dan maksima adalah sebanyak RM 50,000 untuk satu projek. Amaun geran yang diberikan adalah berdasarkan kepada penilaian teknikal dan keperluan semasa. Projek yang akan diberikan keutamaan adalah projek-projek yang meliputi skop am seperti **Pengurangan sumber atau penggunaan semula sumber sama ada dalam bentuk asal atau pun baru, Penjimatan masa dan tenaga, Mengurangkan impak negatif, Kreatif dan Projek mampu dan boleh di replikasi di kawasan lain**. Majlis berharap menerusi inisiatif yang dilaksanakan ini akan mendapat sambutan dan penglibatan daripada masyarakat setempat agar objektif yang dirancang dapat dilaksanakan serta memberi manfaat kepada semua pihak.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

15. Susulan peningkatan kes demam denggi di negeri Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor telah mengadakan Operasi Bersepadu Denggi Negeri Selangor (OBDS). Operasi bersepadu ini melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD). Majlis melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran telah menghantar pasukan daripada Unit Kawalan Vektor bagi membantu operasi bersepadu ini pada 4 Mac 2023 di Pangsapuri Enggang, Puchong di bawah pentadbiran MBSJ dan 19 Mac 2023 yang lalu di Kg Baru HICOM, Shah Alam (MBSA).

16. Bagi OBDS peringkat Majlis pula, ianya telah diadakan pada 18 Mac 2023 di PPR Lembah Subang 1. Kawasan ini dipilih berdasarkan kerap kalinya berlaku *hotspot* berulang-ulang di lokasi ini. Operasi turut melibatkan jabatan dalaman Majlis, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling dan pasukan kesihatan daripada MBSA. Aktiviti yang dilakukan adalah pemeriksaan rumah ke rumah bagi memeriksa tempat pembiakan nyamuk, memberi pendidikan kesihatan, membuat kawalan melalui semburan kabus, *larvacing*, pemeriksaan kesihatan kepada penduduk dan mengalih kenderaan terbiar di sekitar kawasan perumahan.
17. Hasil operasi mendapati, 29 tempat pembiakan telah ditemui ketika pemeriksaan dijalankan. Tempat pembiakan yang ditemui adalah di tong air, pelapik pasu, pam tandas dan bawah sink. Hanya 31 peratus rumah berjaya diperiksa pada operasi kali ini. Peratus pemeriksaan dalam rumah masih di tahap rendah kerana masih banyak rumah yang gagal memberi kerjasama untuk dimasuki dan enggan diperiksa. Oleh itu, Majlis berharap kerjasama penduduk untuk membuat pemeriksaan kendiri dan memusnahkan tempat potensi pembiakan nyamuk di dalam rumah. Kerjasama penduduk dalam memastikan tiada tempat pembiakan aedes ini akan dapat mengurangkan kejadian kes demam denggi di lokaliti ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

18. Atas usaha kita semua, baru-baru ini, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima anugerah Asean dan *National Energy Awards* 2022. Majlis telah dinobatkan sebagai pemenang bagi anugerah ASEAN *Energy Awards* 2022 (AEA) anjuran ASEAN

Centre For Energy dan National Energy Awards 2022 (NEA) anjuran Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim.

19. Kompleks Sukan Astaka MBPJ memenangi tempat pertama kategori *Energy Efficient Building: Special Submission -Zero Energy Building Sub-Category*. Manakala projek menggunakan biogas yang dihasilkan oleh Mesin Kompos Sisa Makanan *Anaerobic Digester* untuk tujuan memasak di Smart PJ Waste Solution Lab SS2 pula telah memenangi 2nd *Runner Up ASEAN Renewable Energy Projects Awards 2022* dan Anugerah *Merit National Energy Awards 2022* bagi kategori *Off Grid - Thermal*.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

20. Sebelum saya mengakhiri ucapan, berikut merupakan beberapa pengumuman untuk makluman, perhatian dan tindakan kita bersama.
21. Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyambut baik penganjuran Seminar ICT PBT Malaysia kali ke 5 (PBT ICT TechTalk2023) yang berlangsung pada 1-2 Mac baru-baru ini. Dengan bertemakan *Local Government Towards Digital Transformation*, program seperti wajar disuburkan dari semasa ke semasa seiring dengan perkembangan dunia digital dan berteknologi tinggi masa kini.
22. Seminar ini berobjektifkan perkongsian teknologi terkini daripada rakan-rakan strategik pemain industri ICT selain perkongsian pengalaman pelaksanaan transformasi pendigitalan dikalangan

PBT Malaysia. Seminar ini turut diadakan slot perkongsian ilmu dan teknologi dari pakar-pakar dan pemain industri dalam usaha untuk mentransformasi pendigitalan di PBT. Untuk makluman semua, seminar ini turut mendapat penyertaan seramai 177 peserta PBT, 46 peserta pempamer dan sejumlah 19 booth telah di didirikan. Majlis sentiasa menyambut baik program-program seumpama ini selaras dengan blueprint MBPJ, PJSSR 2030. Majlis turut berharap agar seminar-seminar ICT yang melibatkan PBT ini diteruskan di masa-masa hadapan bagi memperkasa dan mentransformasikan perkhidmatan dunia teknologi di pihak berkuasa tempatan seluruh negara.

23. Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan melaksanakan penutupan pembahagi jalan di persimpangan empat lampu isyarat (Flat PKNS Taman Seri Subang) di Jalan PJS 8/9 dan Jalan PJS 8/10, PJS 8, Petaling Jaya bagi tujuan kajian aliran trafik di persimpangan jalan tersebut. Untuk makluman, kenderaan keluar dari arah Flat PKNS Taman Seri Subang di benarkan belok ke kiri untuk ke Lebuhraya NPE dan lot-lot kedai di Jalan PJS 8/10 dan PJS 8/11.
24. Tempoh percubaan kajian aliran trafik ini akan berjalan selama tiga bulan bermula 1 April 2023 hingga 1 Julai 2023. Sekiranya aliran trafik berjalan lancar dan tiada bantahan penduduk maka ia akan dilaksanakan secara kekal. Para pemandu dinasihatkan supaya memandu berhati-hati dan mematuhi papantanda isyarat yang disediakan di lokasi.
25. Untuk makluman semua, Skuad Pantas MBPJ bersama-sama Pasukan Sukarelawan Selangor (SERVE TEAM) telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan di kawasan terkesan

banjir. Seramai 20 orang anggota Skuad PANTAS berserta aset dan logistik Majlis seperti 4x4 dan lori roro telah menyertai Misi Bantuan Kita Selangor Penyayang.

26. Misi Bantuan Kita Selangor Penyayang Fasa Kedua ke Johor ini turut disertai oleh Unit Pengurusan Bencana Negeri Selangor, wakil dari setiap Pihak Berkuasa Tempatan Selangor, Team Selangor dan KDEB Waste Management.
27. Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mewartakan kawasan tempat letak kereta 2 jam di Petaling Jaya pada 30 september 2022, di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Bandaraya Petaling Jaya) (Pindaan) 2022. Lokasi tempat letak kereta 2 jam yang akan dilaksanakan oleh MBPJ adalah di beberapa jalan utama di Seksyen 52, SS 21 (Damansara Utama) dan Seksyen 14.
28. Berdasarkan ini, projek induk (fasa pertama) telah dirasmikan pada 22 Mac 2023 yang lalu di sepanjang Jalan 52/2 dan Jalan 52/4, Seksyen 52 yang melibatkan 50 buah petak letak kereta. Program tempat letak kereta 2 jam ini akan dijalankan secara berfasa dan kriteria pemilihan lokasi adalah berdasarkan kepada kadar penghunian (*occupancy*) yang tinggi di pusat bandar dan tumpuan aktiviti komersial dan perniagaan yang telah menyukarkan pengunjung/orang awam untuk mendapatkan tempat letak kereta.
29. Kadar caj tempat letak kereta 2 jam yang telah diwartakan oleh Majlis adalah sebanyak RM 0.60 tiap-tiap setengah jam atau sebahagian dengan masa kawalan adalah pada hari Isnin hingga

Jumaat iaitu dari jam 8.00 pagi hingga 6.30 petang. Tempoh pelaksanaan bagi tempat letak kereta 2 jam di Seksyen 52 ini telah bermula pada 15 Mac 2023 sebagai tempoh pengenalan dan pembelajaran kepada orang awam untuk menggunakan petak letak kereta 2 jam. Manakala tindakan penguatkuasaan hanya akan dijalankan mulai 1 April 2023.

30. Tahniah diucapkan kepada Kumpulan *Iron Squadron* dari Jabatan Kejuruteraan di atas kejayaan memenangi Anugerah Penarafan Emas 3 Bintang dan mendapat Naib Johan bagi Kategori Sektor Awam Negeri menerusi hasil inovasi *Flush Mount Cap (FMC) Grating* pada Konvensyen ICC/KIK Malaysia 2022 : *Road To Beijing ICQCC 2023 Siri 2* yang telah diadakan pada 20-21 Mac 2023 bertempat di Hotel Swiss-Garden, Kuala Lumpur.
31. Untuk makluman, Konvensyen ICC/KIK Malaysia 2022: *Road To Beijing ICQCC 2023 Siri 2* ini turut disertai oleh 42 kumpulan dari pelbagai agensi dan dipertandingkan menerusi 3 kategori iaitu Sektor Awam Persekutuan, Sektor Awam Negeri dan Sektor Swasta.
32. Akhir sekali, Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan menganjurkan program ***Picnic Iftar Ramadhan MBPJ X Suria*** bersama-sama sahabat media rasmi MBPJ, Radio Suria FM pada 8 April 2023 (hari Sabtu) bersamaan dengan 17 Ramadhan 1441. Untuk makluman semua, pada majlis itu juga, Majlis turut meraikan dan memberi sumbangan kepada anak-anak yatim dan golongan B40 bersempena hari raya Aidil Fitri selain berbuka puasa bersama-sama mereka.

33. Di kesempatan ini, saya ingin menjemput Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang berada di dalam mesyuarat ini untruk turut hadir bersama memeriahkan majlis ini nanti dan bersama-sama berbuka puasa, solat fardu, solat tarawih secara berjemaah dan moreh. In Sya Allah, ianya akan diselaraskan dalam masa terdekat dan jemputan rasmi kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan bakal menyusul.

Sekian. Terima kasih.